

# Empat dimensi kejayaan negara

## Kestabilan politik paksi kemerdekaan: Najib

Oleh Veena Rusli  
dan Suzianah Jiffar

**K**OTA KINABALU: Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia mencatat kejayaan dalam empat dimensi penting sejak bebas daripada belenggu penjajah 49 tahun lalu, sekali gus menepis pelbagai ramalan dangkal yang dilempar pada awal kemerdekaan negara.

Hakikat itu, kata Timbalan Perdana Menteri, menjadikan kemerdekaan yang diperjuangkan selama ini sebagai kemerdekaan sejati dan penuh bermakna.

Kejayaan utama Malaysia, katanya, ialah kestabilan politik dalam negara yang menjadi paksi terhadap pewujudan dan pelaksanaan pelbagai dasar kerajaan.

Beliau berkata, Malaysia turut membuktikan kemampuan membentuk perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat pelbagai kaum yang menjadi kebanggaan negara, terutama di Sabah dan Sarawak.

"Ketiga, kita berjaya memacu pembangunan negara dan membawa per-

ubahan demi perubahan menakjubkan, malah tiada negara sedang membangun mempunyai masa depan begitu cerah.

"Malah, kita optimis kalau dapat menjayakan Misi Nasional menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan, Wawasan 2020 juga akan kesampaian Insya-Allah.

"Keempat, kita mampu mengekalkan keselamatan dan keamanan dalam negara walaupun ada percubaan

*"Kita yakin jika dapat menjayakan Misi Nasional menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan, Wawasan 2020 juga akan kesampaian"*

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

menggugat kedaulatan dan merosakkan keamanan negara pada peringkat awal Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia.

"Kita mewujudkan pasukan keselamatan tentera dan polis tidak kira dari mana baik Perlis, Pahang, Selangor tetapi kalau Sabah terancam, kita Sanggup berjuang dan berkorban dengan rakyat Sabah," katanya.

Beliau berucap pada majlis penutup sambutan Bulan Kemerdekaan ke-49 mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Stadium Likas di sini, malam tadi.

Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan sambutan, Datuk Seri Dr Rais Yatim serta barisan menteri Kabinet Persekutuan dan negeri.

Sementara itu, Rais berkata, beberapa perkara berkaitan sambutan Bulan Kemerdekaan akan diperbaiki, termasuk aspek perarakan.

"Kita ingin melihat pembabitkan semua kaum dalam perarakan sambutan Bulan Kemerdekaan," katanya.